

**Agong rasmi Pameran Raja Kita
Utusan Online
16 April, 2012**

KUALA LUMPUR 15 April - Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari ini berkenan merasmikan Pameran Raja Kita yang pertama kali diadakan di Istana Negara lama sempena pertabalan Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong XIV.

Ketika merasmikan pameran itu, Seri Paduka bertitah, istana lama itu menyimpan banyak peristiwa bersejarah mengenai Yang di-Pertuan Agong.

"Beta amat gembira dan bangga kerana pameran ini diadakan di istana lama dan beta berharap seluruh rakyat beroleh manfaat daripada pameran ini," titah Seri Paduka.

Titah Tuanku Abdul Halim, pameran tersebut turut mengembalikan pelbagai kenangan dalam diri Seri Paduka.

"Dengan beta berada di sini hari ini, ia menyingkap pelbagai kenangan dan nostalgia dalam diri beta," titah Seri Paduka.

Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah turut berkenan berangkat ke majlis berkenaan.

Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr. Rais Yatim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Pertabalan dan isteri Datin Seri Masnah Rais, menteri-menteri Kabinet dan perwakilan asing.

Pada majlis tersebut, Seri Paduka turut berkenan menyampaikan buku kecil *Raja Kita* kepada empat pelajar sekolah berlainan kaum sebagai simbolik rakyat 1Malaysia.

Dalam pada itu, Rais berkata, pameran di istana lama yang akan dijadikan Muzium Diraja tersebut akan dikekalkan untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negara.

Kata beliau, buku kecil *Raja Kita* itu akan diedarkan ke sekolah seluruh negara bagi memastikan generasi akan datang memahami mengenai institusi diraja negara.

Pameran tersebut diadakan selama dua bulan dan dibuka secara percuma kepada orang ramai bermula esok sehingga 15 Jun dari pukul 9 pagi hingga 5 petang.

Antara koleksi menarik dalam pameran berkenaan adalah koleksi peribadi Tuanku Abdul Halim dan buat pertama kalinya naskhah asli Perlembagaan Persekutuan 1948 dan Perjanjian Malaya 1948 dipamerkan kepada umum.

Turut dipamerkan, alat-alat kebesaran diraja selain sejarah dan peranan Majlis Raja-Raja dan pemilihan pelantikan Yang di-Pertuan Agong.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0416&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_12.htm